

## **AUDIT PENSIJILAN SEMULA QE/5S OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) Ibu Pejabat JUPEM telah dijalankan pada 14 Ogos 2018 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Skop audit tersebut merangkumi Keperluan Utama Pelaksanaan (Dokumen dan Sudut QE), Ruang Pejabat, Perkhidmatan Kaunter, Tempat Simpanan (Stor), Tempat Umum dan Kawasan Persekitaran.

Pihak MPC telah bersetuju untuk mengesyorkan pembaharuan sijil QE/5S Ibu Pejabat JUPEM bagi Tahun 2018/2019. Syabas dan terima kasih diucapkan kepada Pihak Pengurusan, barisan Urus Setia, semua Ahli Jawatankuasa Induk QE/5S serta semua pegawai dan kakitangan yang bekerjasama menjayakan amalan QE/5S sehingga berjaya dipersijilkan semula.

